

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HIS 305 Institusi Kekeluargaan Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja. DUA [2] dari Bahagian A dan DUA [2] dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Institusi kekeluargaan mempunyai kedudukan yang tinggi lagi mulia dalam pandangan Islam. Cara yang paling baik dan sesuai untuk pembentukan sesebuah keluarga ialah menerusi perkahwinan. Bincangkan pernyataan ini dari segi-segi berikut:
 - (a) Kewajipan berkahwin di dalam Islam.
 - (b) Implikasi sosial daripada perkahwinan.
 - (c) Faktor-faktor yang menghalang perkahwinan.

2. Islam mewajibkan seorang suami memberi nafkah kepada isterinya. Huraikan isu ini dari segi-segi berikut:
 - (a) Syarat-syarat nafkah.
 - (b) Anggarannya.
 - (c) Nafkah wanita yang diceraikan.

3. Menurut sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad bin Hanbal, bahawa layanan baik seorang suami terhadap isterinya adalah sebahagian daripada tanda-tanda kesempurnaan imannya (suami). Bincangkan pernyataan ini dengan memberi tumpuan kepada langkah-langkah berkesan yang disarankan oleh Islam untuk mengekalkan suasana kerukunan hidup berumahtangga.

BAHAGIAN B

4. Pembubaran nikah berlaku melalui beberapa cara, antaranya ialah; talaq, khulu' dan fasakh. Berdasarkan pernyataan ini bincang dua daripada perkara-perkara berikut:
- (i) Definisi talaq, khulu' dan fasakh menurut pendapat Jumah ulama' dan huraikan maksud khulu' serta berikan beberapa contoh yang tepat dengan keharusannya.
 - (ii) Huraikan sebab-sebab utama seorang isteri diharuskan menuntut fasakh daripada suaminya.
 - (iii) Huraikan pengertian li'an dan kesannya terhadap keutuhan institusi keluarga.
5. Bincangkan kedudukan **CINA BUTA** dalam konteks perceraian yang tidak boleh dirujuk (talaq ba'in). Berikan pendapat anda berdasarkan kepada situasi masa kini:
6. Talaq raj'i adalah sejenis talaq yang boleh dirujuk, suami isteri diberi kesempatan untuk berfikir dalam tempoh tertentu supaya masing-masing dapat mengambil masa yang sesuai untuk membuat keputusan. Berdasarkan pernyataan ini bincangkan dua daripada perkara-perkara berikut:
- (i) apakah yang dimaksudkan dengan 'iddah' dan bezakan antara 'iddah wanita yang masih berdarah haid, kematian suami dan yang sedang hamil.
 - (ii) Berikan pengertian ruju' menurut pandangan al-Syafi'i, al-Maliki dan al-Hanafi.
 - (iii) Huraikan beberapa jenis talaq yang tidak boleh dirujuk.